



## كمترین حال احوال دالٰم نخري KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KETIGA BAGI

#### 1. PERHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS- PREMIS MAKANAN

#### 2. GERAI-GERAI TERBUKA (*OPEN AIR STALLS*) DI BAWAH KAWALAN JABATAN-JABATAN DAERAH DAN JABATAN-JABATAN BANDARAN

#### 3. TAMU-TAMU MINGGUAN DI BAWAH KAWALAN JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA DAN JABATAN BANDARAN TUTONG

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita memaklumkan bahawa berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan mengenai dengan langkah-langkah pelaksanaan pelan *de-escalation*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan pelan ***de-escalation fasa ketiga bermula hari Isnin, 6 Julai 2020*** bagi:-

- 1.1. Perkhidmatan Penyajian Makanan (*Dine-In*) di Premis-Premis Makanan;
- 1.2. Gerai-Gerai Terbuka (*Open Air Stalls*) di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran; dan
- 1.3. Tamu-Tamu Mingguan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Jabatan Bandaran Tutong.

## **PERHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS-PREMIS MAKANAN**

2. Di bawah pelaksanaan pelan *de-escalation* fasa ketiga ini, had jumlah pelanggan di premis-premis makanan iaitu restoran, kafe dan *food court* yang dibenarkan untuk *dine-in* dalam satu-satu masa adalah dinaikkan kepada **80%** dari jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk premis makanan berkenaan. Garis panduan penjarakan sosial dan syarat-syarat lain bagi perkhidmatan penyajian makanan di premis-premis makanan seperti yang dimaklumkan semasa Sidang Media pada 14 Mei 2020 adalah masih dikekalkan.

## **GERAI-GERAI TERBUKA (*OPEN AIR STALLS*) DI BAWAH KAWALAN JABATAN-JABATAN DAERAH DAN JABATAN-JABATAN BANDARAN**

3. Manakala, bagi gerai-gerai terbuka (*open air stalls*) yang menyediakan perkhidmatan *dine-in* di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran adalah dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **100%** jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk gerai berkenaan. Garis panduan penjarakan sosial dan syarat-syarat lain bagi gerai-gerai terbuka seperti yang dimaklumkan semasa Sidang Media pada 14 Mei 2020 adalah masih dikekalkan.

## **TAMU MINGGUAN KOMPLEKS PASARNEKA DAN TAMU TUTONG, DAERAH TUTONG**

4. Merujuk pengumuman Sidang Media pada 18 Mac 2020 mengenai penutupan bermula 19 Mac 2020 bagi Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong yang beroperasi setiap hari Khamis dan Ahad. Sukacita dimaklumkan bahawa berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan mengenai dengan langkah-langkah pelaksanaan pelan *de-*

*escalation*, maka bermula pada hari **Khamis, 09 Julai 2020, Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong** adalah dibenarkan untuk beroperasi semula pada kadar keramaian penjaja **50%** dari jumlah kapasiti biasa ruang berniaga tamu berkenaan pada satu masa mengikut penjadualan kumpulan penjaja yang akan diselaraskan oleh pihak Jabatan Bandaran Tutong.

5. Pembukaan Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong akan dilaksanakan mengikut penjadualan berjaya mengikut kumpulan (*group*) yang akan diselaraskan oleh pihak Jabatan Bandaran Tutong yang akan bermula pada hari Khamis, 09 Julai 2020 bagi perniagaan tamu hari Khamis dan Ahad bagi penjaja-penjaja dalam Kumpulan A dan pada minggu berikutnya bagi perniagaan tamu hari Khamis dan Ahad bagi penjaja-penjaja dalam Kumpulan B secara bergilir-gilir.

#### **TAMU MINGGUAN DI BANGUNAN PASARNEKA SERIA, JALAN LORONG 3 SELATAN, SERIA**

6. Merujuk juu pengumuman Sidang Media pada 26 Mac 2020 mengenai penutupan bermula 26 Mac 2020 bagi Tamuneka Seria, Kawasan Letak Kereta Pasarneka Seria, Daerah Belait yang beroperasi setiap hari Khamis dan Jumaat dan Tamuneka Kuala Belait, Kawasan Letak Kereta Pasarneka, Kuala Belait, Daerah Belait yang beroperasi setiap hari Sabtu dan Ahad. Sukacita dimaklumkan bahawa kedua-dua Tamu Mingguan ini akan beroperasi semula dengan penempatan penjaja-penjaja kedua-dua tamu berkenaan ke dalam **Bangunan Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan, Seria** mengambilkira akan keperluan pengawalan dan pematuhan kepada garispandu-garispandu dan langkah-langkah penjarakan sosial dari Kementerian Kesihatan.

7. Pembukaan tamu-tamu berkenaan di dalam Bangunan Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan, Seria akan diselaraskan mengikut penempatan tempat berjaya yang akan ditetapkan dan penjadualan berjaya mengikut kumpulan (*group*) yang akan diselaraskan oleh pihak Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria yang masing-masing akan bermula pada hari **Khamis, 09 Julai 2020** bagi perniagaan tamu pada hari Khamis dan Jumaat iaitu bagi penjaja-penjaja Kumpulan A dan pada **hari Sabtu, 11 Julai 2020** bagi perniagaan tamu pada hari Sabtu dan Ahad iaitu bagi penjaja-penjaja Kumpulan B.
8. Semua penjaja Tamu Mingguan hendaklah mematuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan dalam pembukaan tamu-tamu mingguan ini manakala para pengunjung-pengunjung tamu hendaklah juga mematuhi arahan-arahan dan menunaikan tanggungjawab sosial masing-masing mengambilkira saranan dan garispandu Kementerian Kesihatan.
9. Untuk maklumat lanjut mengenai pembukaan semula **Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Daerah Tutong**, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Bandaran Tutong semasa waktu bekerja di talian **4221009 sambungan 200** atau **8117115** selepas waktu bekerja. Manakala bagi pembukaan semula **Tamuneka Seria** dan **Tamuneka Kuala Belait** dengan penempatan tamu-tamu berkenaan ke dalam **Bangunan Pasarneka Seria**, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria semasa waktu bekerja di talian **3340631** atau **8872233** selepas waktu bekerja.
10. Pelaksanaan pelan *de-escalation* ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan akan situasi wabak COVID-19 di negara ini dan juga di peringkat serantau dan global. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai pelaksanaan pelan *de-escalation* ini selanjutnya dari semasa ke semasa.

11. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga ingin mengingatkan pemilik-pemilik atau pengusaha-pengusaha premis-premis makanan dan gerai-gerai terbuka dan juga penjaja-penjaja tamu-tamu mingguan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
12. Pemilik-pemilik atau pengusaha-pengusaha premis-premis makanan dan gerai-gerai terbuka dan juga penjaja-penjaja tamu-tamu mingguan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan and nasihat-nasihat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**-TAMAT-**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

09 Zulkaedah 1441H / 01 Julai 2020M

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KETIGA BAGI PERHIDMATAN**  
**PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS-PREMIS MAKANAN**  
**BERMULA 6 JULAI 2020**

Perkhidmatan penyajian makanan secara *dine-in* bagi **premis-premis makanan seperti restoran, kafe, dan food court** hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

**BAGI PENGUSAHA PREMIS MAKANAN:**

1. Pengendali atau pengusaha premis makanan dikehendaki untuk mendapatkan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis;
2. Menghadkan jumlah pelanggan yang dibenarkan untuk *dine-in* dalam satu-satu masa kepada **80%** dari jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk premis makanan berkenaan;
3. Penyediaan makanan secara *buffet* adalah tidak dibenarkan;
4. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan sebelum memasuki premis makanan;
5. Pemilik premis-premis makanan mestilah memastikan pekerja-pekerja mereka yang mengendalikan dan menyediakan makanan untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
6. Pekerja premis makanan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja;
7. Memastikan penjarakan fizikal dan sosial termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-
  - 7.1 Premis makanan untuk mempamerkan notis jumlah maksimum kapasiti *dine-in* dalam satu masa di tempat yang bersesuaian;
  - 7.2 Premis makanan tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk *dine-in* dari kapasiti biasa (*normal capacity*);
  - 7.3 Premis makanan untuk menyediakan ruang atau barisan khas untuk perkhidmatan *takeaway*;

- 7.4 Premis makanan untuk menyediakan *hand sanitiser*;
  - 7.5 Susun atur meja ruang *dine-in* yang bersesuaian bagi memastikan penjarakan fizikal; dan
  - 7.6 Premis makanan dikehendaki untuk mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.
8. Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204; dan
  9. Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**BAGI PELANGGAN PREMIS MAKANAN:**

1. Para pelanggan hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi premis makanan yang ingin dituju. Hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;
2. Orang ramai yang berhasrat untuk *dine-in* digalakkan untuk membuat tempahan tempat duduk terlebih dahulu; dan
3. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN PELAN DE-ESCALATION FASA KETIGA BAGI PERHIDMATAN**  
**PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI GERAI-GERAI TERBUKA DI BAWAH**  
**KAWALAN JABATAN-JABATAN DAERAH DAN JABATAN-JABATAN**  
**BANDARAN BERMULA 6 JULAI 2020**

Gerai-gerai terbuka di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

**BAGI PENGUSAHA GERAI TERBUKA:**

1. Pengendali atau pengusaha gerai-gerai makan dikehendaki untuk mendapatkan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis;
2. Jumlah pelanggan yang dibenarkan untuk *dine-in* dalam satu-satu masa adalah **100%** jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk gerai berkenaan;
3. Pemilik gerai-gerai terbuka mestilah memastikan pekerja-pekerja mereka yang mengendalikan dan menyediakan makanan untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
4. Peniaga Gerai Terbuka yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga;
5. Mematuhi arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-
  - 5.1 Gerai makan untuk mempamerkan notis jumlah maksimum kapasiti *dine-in* dalam satu masa di tempat yang bersesuaian;
  - 5.2 Gerai makan tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk *dine-in* dari kapasiti biasa (*normal capacity*);
  - 5.3 Gerai makan untuk menyediakan ruang atau barisan khas untuk perkhidmatan *takeaway*;
  - 5.4 Gerai makan untuk menyediakan *hand sanitiser*; dan
  - 5.5 Gerai makan dikehendaki untuk mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.

6. Mana-mana pengusaha-pengusaha gerai makan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
7. Pengusaha-pengusaha gerai makan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**BAGI PELANGGAN GERAI TERBUKA:**

1. Para pelanggan hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi gerai-gerai makan yang ingin dituju. Hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis; dan
2. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi gerai makan sehingga telah sembuh.

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KETIGA BAGI PEMBUKAAN**  
**SEMULA TAMU-TAMU MINGGUAN DI BAWAH KAWALAN JABATAN-**  
**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA DAN JABATAN**  
**BANDARAN TUTONG BERMULA 9 JULAI 2020**

Tamu-Tamu Mingguan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Bandaran hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

**BAGI PENJAJA TAMU MINGGUAN:**

1. Tamu Mingguan adalah dibenarkan untuk beroperasi pada kadar keramaian penjaja yang ditetapkan dari jumlah kapasiti biasa ruang berniaga tamu berkenaan pada satu masa;
2. Penjaja Tamu Mingguan hendaklah mengisikan kedatangan / kehadiran di dalam buku catatan yang disediakan;
3. Penjaja Tamu Mingguan hendaklah juga mengimbas QR Kod Aplikasi Bruhealth
4. Penjaja Tamu Mingguan mestilah memastikan diri dan pembantu mereka untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
5. Penjaja Tamu Mingguan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga;
6. Memastikan penjarakan fizikal dan sosial termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-
  - 6.1 Penempatan petak dan penjadual masa berniaga;
  - 6.2 Penjaja Tamu Mingguan dikehendaki untuk memastikan kebersihan petak
7. Mana-mana penjaja Tamu Mingguan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, adalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
8. Penjaja-penjaja Tamu Mingguan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**BAGI PENGUNJUNG TAMU MINGGUAN:**

1. Para pengunjung hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi tamu-tamu mingguan yang ingin dituju.
2. Para pengunjung hendaklah mengimbas QR Kod Aplikasi Bruhealth di tempat-tempat masuk dan keluar yang ditetapkan dan hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;
3. Memastikan penjarakan sosial;
4. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan / tidak sehat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Tamu Mingguan sehingga telah sembah/sehat; dan
5. Meletakkan kereta di kawasan letak kereta yang dibenarkan sahaja.